



Nama: _____

Kelas: _____

Tarikh: _____

KATA BILANGAN

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

- 1 Kakak amat menggemari telur ayam masak _____.
A semua
B seluruh
C separuh
D sesetengah
- 2 _____ kawasan lapang di belakang rumah Pak Dollah ditanam dengan sayur-sayuran.
A Setiap
B Segelintir
C Sebilangan
D Sebahagian
- 3 Syazwani gemar mengumpulkan _____ jenis setem luar negara.
A berbagai
B pelbagai
C seluruh
D segala
- 4 _____ orang penjenayah itu telah berjaya diberkas oleh pihak polis.
A Ketiga
B Tiap-tiap
C Sesetengah
D Kedua-dua
- 5 Lembu peliharaan Pak Samad ada _____ ekor?
A beberapa
B keempat
C separuh
D berapa

- 6 _____ helai kertas melayang apabila Kamariah menghempas fail ke atas mejanya.
- A Seluruh
 - B Ribuan
 - C Setengah
 - D Beberapa
- 7 Haji Ahmad akhirnya meninggal dunia setelah _____ menderita penyakit angin ahmar.
- A berhari-hari
 - B berabad-abad
 - C bertahun-tahun
 - D berkurun-kurun
- 8 _____ jenis cenderamata dijual di _____ gerai itu.
- A Pelbagai... setiap
 - B Berbagai... semua
 - C Beberapa... segala
 - D Pelbagai... segala
- 9 _____ tubuhnya terasa lemah _____ kali diserang demam panas.
- A Tiga suku... sekalian
 - B Setengah... beberapa
 - C Seluruh... sekalian
 - D Seluruh... setiap
- 10 Tuan Zaidi mendermakan _____ daripada hartanya kepada anak-anak yatim.
- A sebahagian
 - B sesetengah
 - C beberapa
 - D ribuan

- 11 _____ murid diwajibkan menyertai aktiviti kokurikulum.
- A Para
 - B Setiap
 - C Ribuan
 - D Setengah
- 12 Majikan itu melayani _____pekerjanya dengan adil tanpa pilih kasih.
- A separuh
 - B beberapa
 - C sebahagian
 - D semua
- 13 Pihak imigresen memeriksa _____badan penumpang kapal terbang sebagai langkah keselamatan.
- A seluruh
 - B setengah
 - C segelintir
 - D beberapa
- 14 Aiman sedah diberitahu _____, tetapi dia tetap terlupa akan pesanan itu.
- A beberapa
 - B beribu-ribu
 - C berkali-kali
 - D beratus-ratus
- 15 _____hadirin dipersilakan menikmati jamuan ringan.
- A Para-para
 - B Setengah
 - C Segala
 - D Para

- 16 _____hujung bulan dia ke pasar raya itu untuk membeli belah.
- A Semua
 - B Setiap
 - C Setengah
 - D Beberapa
- 17 Stadium itu penuh sesak dengan _____penyokong Pasukan Hijau Kuning.
- A puluhan
 - B ribuan
 - C setiap
 - D separa
- 18 _____buah tong hilang dipercayai mengandungi sisa toksik ditemukan di tepi belukar itu.
- A Beberapa
 - B Setengah
 - C Separuh
 - D Sebahagian
- 19 _____kali selepas bersolat , dia mengangkat _____belah tangannya dan berdoa kepada Tuhan.
- A Beberapa... kedua-dua
 - B Pertama ...semua
 - C Setiap...kedua-dua
 - D Setengah-setengah...dua
- 20 _____pandangannya menjadi gelap apabila _____belah matanya terkena semburan cecair itu.
- A Seluruh...kedua-dua
 - B Kedua-dua...seluruh
 - C Setiap...kedua-dua
 - D Seseengah...semua